

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]
- TARIKH** : 18 Oktober 2016 (Selasa)
- SOALAN** : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
- a) berapakah tahap kecukupan daging lembu yang diperlukan oleh Malaysia; dan
  - b) berapakah tahap produksi lembu daging dalam negara?

**Tuan Yang Dipertua,**

Penggunaan hasil ternakan menunjukkan peningkatan permintaan daging lembu/kerbau dari tahun ke tahun dengan jumlah dicatatkan pada tahun 2010 sebanyak 154,402 tan metrik kepada 209,108 tan metrik pada tahun 2014 dan seterusnya meningkat sehingga 214,866 pada tahun 2015. Jumlah ini jika diterjemahkan kepada bilangan keperluan sembelihan ternakan menghampiri 1.5 juta ekor sembelihan setahun dan ini termasuk keperluan semasa ibadah Qurban dengan anggaran berjumlah 30,000 ekor setahun.

Populasi ternakan lembu dan kerbau semasa (berdasarkan data tahun 2015) dalam negara adalah berjumlah 873,536 ekor dengan bilangan induk pembiak dianggarkan 400,000 ekor. Pengeluaran daging lembu/kerbau dalam negara adalah berjumlah 52,857 tan metrik (atau menyamai 365,540 ekor) setahun. Oleh itu kadar sara diri (*self sufficiency level*) daging lembu/kerbau negara berada pada tahap 25.58%.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI**  
**KAWASAN : PANDAN**  
**TARIKH : 18 OKTOBER 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan nilai setiap konsesi Lebuh Raya EKVE, SUKE dan SKIP, tempoh konsesi dan bantuan kewangan Kerajaan (pinjaman mudah, geran atau lain-lain) yang diberikan; serta jumlah peruntukan yang telah/akan dibelanjakan Kerajaan Persekutuan mengikut tahun dari 2008 hingga 2028 bagi lebuh raya-lebuh raya ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Bantuan kewangan Kerajaan kepada sesebuah syarikat konsesi lebuh raya bertujuan bagi menyokong kebolehbiayaan dan daya maju projek untuk dilaksanakan secara komersial. Ini kerana pelaksanaan sesuatu projek lebuh raya baru itu akan memberikan impak positif dan nilai gandaan terhadap pembangunan sosioekonomi kawasan setempat dan juga negara amnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 3 lebuhraya yang berkenaan dengan soalan ini hanya Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dan Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) sahaja yang telah ditandatangani dan perjanjian konsesi telah berkuat kuasa. Manakala untuk cadangan projek Lebuhraya Serdang – Kinrara – Putrajaya (SKIP) pula, setakat ini perjanjian konsesi masih belum dimuktamadkan. Sehubungan itu maklumat berkaitan bantuan kewangan Kerajaan untuk lebuhraya EKVE dan SUKE ialah seperti berikut:

**Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE):**

- RM360 juta ('capping') untuk kos pengambilan tanah; dan
- pinjaman mudah sebanyak RM635 juta dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun.

**Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE):**

- RM1,140 juta ('capping') untuk kos pengambilan tanah; dan
- pinjaman mudah sebanyak RM1,778 juta dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun.

Mengenai jumlah 'drawdown' atau pengeluaran Pinjaman Mudah Kerajaan untuk lebuhraya terlibat, ia tertakluk kepada kemajuan kerja yang dipersetujui dalam setiap perjanjian pinjaman antara Kerajaan (Kementerian Kewangan) dengan syarikat konsesi yang terlibat.

Sekian. Terima kasih.